

7.0: SISTEM EKONOMI

Seperti yang telah dibincangkan di atas, bahawa walau bagaimana besar dan kayanya sesebuah negara atau seseorang individu itu, mereka tidak akan terlepas dari menghadapi masalah-masalah asas ekonomi yang berikut;

- (i) Apakah barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan dan berapa banyak?
- (ii) Bagaimana barang dan perkhidmatan itu harus dikeluarkan?
- (iii) Untuk siapa barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan?

Untuk melihat penyelesaian kepada masalah-masalah asas ekonomi di atas, kita boleh merujuk kepada sistem ekonomi yang wujud dalam ekonomi atau negara tersebut.

7.1: JENIS-JENIS SISTEM EKONOMI

Secara tradisinya terdapat 3 jenis sistem ekonomi yang biasa dibincangkan dan diamalkan oleh kebanyakan negara-negara di dunia ini. Sistem-sistem tersebut ialah;

- i. sistem ekonomi pasaran bebas
- ii. sistem ekonomi perancangan pusat atau disebut juga sebagai sistem ekonomi terancang
- iii. sistem ekonomi campuran.

7.1.1: SISTEM EKONOMI PASARAN BEBAS.

7.1.1.1. Definisi:

Sistem ekonomi pasaran bebas boleh didefinisikan sebagai satu sistem ekonomi di mana kerajaan tidak memainkan sebarang peranan dalam membuat keputusan ekonomi. Ini bererti bahawa sebarang keputusan ekonomi (apa dan berapa barang dan perkhidmatan dikeluarkan, bagaimana dan untuk siapa barang dan perkhidmatan dikeluarkan) akan dibuat oleh agen-agen ekonomi iaitu pengguna dan pengeluar.

7.1.1.2. Ciri-ciri sistem ekonomi pasaran bebas

Untuk membolehkan sistem ini berjalan, pasaran ini mestilah mempunyai ciri-ciri berikut;

- a. semua pengguna mempunyai hak pemilikan ke atas faktor-faktor pengeluaran dalam pasaran.

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

- b. Semua pengguna mempunyai objektif untuk memaksimumkan kepuasan masing-masing.
- c. Semua pengeluar mempunyai objektif untuk memaksimumkan keuntungannya.
- d. Semua pengguna dan pengeluar bebas membuat keputusan dengan berdasarkan kepada objektif masing-masing.
- e. Kerajaan tidak mengenakan sebarang bentuk cukai dan juga memberi sebarang subsidi dalam sebarang barang dan perkhidmatan.

7.1.1.3. Keadah penyelesaian masalah-masalah asas ekonomi.

Dalam sistem pasaran bebas ini dan berdasarkan kepada ciri-ciri pasaran di atas, kita boleh mengatakan bahawa setiap pengguna dan pengeluar akan mampu menyelesaikan masalah-masalah apa dan berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan.

Berdasarkan kepada ciri-ciri di atas, kita mengatakan bahawa pengguna mempunyai hak milik ke atas faktor-faktor pengeluaran yang terdapat dalam negara tersebut. Misalnya, pengguna akan mempunyai hak pemilikan ke atas buruh, tanah, modal dan keusahawanan. Tenaga buruh ini akan dijual kepada pengeluar atau firma dan pengguna ini akan mendapat pendapatan dalam bentuk upah. Daripada pemilikan tanah, pengguna ini akan memperolehi pendapatan dalam bentuk sewa, daripada pemilikan modal, mereka akan menerima faedah atau kadar bunga dan daripada tenaga keusahawanan, mereka akan mendapat pendapatan dalam bentuk keuntungan. Ini bererti bahawa pengguna (yang juga merupakan pemilik faktor) akan mempunyai pendapatan dalam bentuk upah, sewa, faedah atau kadar bunga dan keuntungan. Pendapatan ini akan digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan. Dalam lain perkataan daripada pendapatan-pendapatan yang diperolehi oleh pengguna ini, pengguna akan dapat mewujudkan *permintaan ke atas barang dan perkhidmatan di pasaran*.


1. Penyelesaian kepada masalah apa dan berapa barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan.


Syarat pertama kepada penyelesaian masalah apa barang yang hendak di keluarkan *adalah bergantung kepada keinginan pengguna itu sendiri*. Pengguna itu akan memberi keutamaan ke atas barang yang akan memberi kepuasan yang paling tinggi. Apa yang dimaksudkan di sini ialah daripada belbagai-bagai barang yang dikehendak atau diingini oleh mereka, pengguna, secara tidak sedar, akan menyusun barang-barang tersebut mengikut keutamaannya, iaitu dengan berdasarkan barang yang manakah yang akan memberi kepuasan yang tertinggi sekali. Contohnya seorang pengguna itu mempunyai keinginan untuk

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

mendapatkan beras, sayur, ikan, daging, kemeja, seluar, kasut, selepar, buku, kertas tulis, pen, pembaris, bag, perkhidmatan bas dan bermacam-macam lagi. Apa yang akan dilakukan oleh pengguna ini ialah beliau akan menyusun mengikut keutamaannya barang-barang ini dengan berdasarkan barang yang manakah yang memberi kepuasan yang paling tinggi. Misalnya beras adalah barang yang memberi kepuasan yang tertinggi, maka beras akan menduduki ranking atau keutamaan yang tertinggi sekali, dan seterusnya barang-barang yang lain. Maka dengan mengikut keutamaan ini pengguna akan menggunakan pendapatan yang dimilikinya tadi dan akan menterjemahkan kehendaknya dalam bentuk permintaan ke atas beras ini dan permintaan ini akan disokong pula dalam bentuk kuasa beli. Ini bererti bahawa semua keinginan pengguna ini akan ditunjukkan dalam bentuk permintaan yang mana permintaan ini pula akan disokong dengan kuasa beli atau wang yang dimilikinya. Maka wujudlah keluk permintaan yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan, iaitu keluk D seperti di gambarajah 1.11.

Secara teori, keluk permintaan ini akan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan, yang bererti bahawa pengguna akan meningkatkan kuantiti yang dibelinya apabila harga barang itu rendah. Sebaliknya pengguna akan mengurangkan kuantiti yang dibelinya jika harga barang itu tinggi. (Keterangan lanjut di beri dalam bab 2). Ini bererti bahawa persoalan apakah barang yang akan dikeluarkan dalam pasaran akan dijawab sama ada wujud atau tidak permintaan ke atas barang tersebut. Dalam lain perkataan, sama ada satu barang itu dikeluarkan atau tidak di pasaran adalah bergantung pertamanya samada wujud atau tidak permintaan ke atas barang itu. Jika sekiranya seorang pengguna itu mempunyai keinginan untuk mendapatkan sebarang cincin permata, tetapi beliau tidak dapat menyokong keinginannya itu dengan wang, maka keluk permintaan ke atas cincin permata tersebut tidak akan wujud.





Syarat kedua untuk memastikan bahawa sesuatu barang itu dikeluarkan dalam pasaran ialah sama ada *terdapat pengusaha yang sanggup untuk mengeluarkan barang tersebut*. Dalam lain perkataan pada masa yang sama mestilah wujudnya keluk penawaran dalam pasaran tersebut. Oleh sebab pengeluar ini akan cuba memaksimumkan keuntungannya, maka keluk penawaran yang wujud di pasaran ini mestilah mempunyai cerun ke atas dari kiri ke kanan, seperti keluk S di gambar rajah 1.11. Dalam lain perkataan jika keluk permintaan ke atas satu barang itu wujud di pasaran, tetapi pada masa yang sama, pengeluar atau firma tidak berminat untuk mengeluarkannya (mungkin disebabkan firma mendapati bahawa pengeluaran barang tersebut tidak memberi keuntungan kepadanya), keluk penawaran ini tidak wujud, maka barang tersebut juga tidak akan dikeluarkan oleh pasaran.

40 – Dalam sistem pasaran bebas ini, persoalan berapa banyak sesuatu barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan bergantung kepada keluk-keluk permintaan (D) dan penawaran (S) yang wujud di pasaran tersebut atau disebut juga sebagai melalui **mekanisme harga**. Seperti di gambar rajah 1.11, persoalan ini akan diselesaikan di mana mekanisme harga akan membawa kedua-dua keluk permintaan dan penawaran ini bersilang, iaitu di titik E, dan pengeluar ini akan mengeluarkan sebanyak Ko unit barang dan menetapkan harga di pasaran sebanyak OPo . Jika persilangan keluk-keluk permintaan (D) dan keluk penawaran (S) ini tidak berlaku, maka barang tersebut tidak akan wujud di pasaran. Jika mekanisme harga gagal untuk membawa kedua-dua keluk

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

permintaan dan penawaran itu bersilang, maka barang tersebut tidak akan wujud di pasaran.

2. Penyelesaian kepada masalah bagaimana barang dan perkhidmatan dikeluarkan.

Masalah kedua ini pula akan diselesaikan oleh pihak pengeluar pula. Sepertimana yang telah disebutkan dalam ciri-ciri pasaran bebas ini, *objektif utama pengeluar adalah untuk memaksimumkan keuntungan mereka*. Maka untuk mencapai objektif ini,

a. Pengeluar akan melihat barang dan perkhidmatan yang diminta oleh pengguna terlebih dahulu. Ini bererti pengeluar akan memastikan bahawa keluk permintaan ke atas barang tersebut mestilah wujud terlebih dahulu, iaitu seperti keluk D di gambar rajah 1.11. Pengeluar tidak akan mengeluarkan sesuatu barang dan perkhidmatan, jika keluk permintaan tersebut tidak wujud, yang mana ini bererti bahawa pengguna tidak sanggup membayarnya untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan tersebut. Contohnya barang awam seperti perkhidmatan pertahanan negara.

b. Bagi mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang telah wujud permintaannya, pengeluar akan menggunakan *teknik pengeluaran (teknologi) yang paling cekap sekali, iaitu dengan kos pengeluaran yang minimum*. Maka pengeluar akan dapat menghasilkan keluk pengeluaran bagi sesuatu barang dan perkhidmatan tersebut, seperti keluk S di gambar rajah 1.11. Keluk penawaran barang ini akan mencerun ke atas dari kiri ke kanan. Ini bererti apabila harga semakin tinggi, pengeluar akan sanggup meningkatkan kuantiti yang ditawarkan. Dalam lain perkataan, semakin tinggi harga sesuatu barang itu, semakin tinggilah kuantiti barang tersebut yang akan dikeluarkan atau ditawarkan oleh pengeluar. (Keterangan lanjut keluk penawaran ini akan dibincangkan dalam bab 2).

3. Penyelesaian kepada masalah untuk siapa barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan.

Akhir sekali masalah untuk siapa sesuatu barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan akan diselesaikan oleh pasaran ini dengan berdasarkan *siapakah yang sanggup menwujudkan keluk permintaan*. Ini bererti siapa yang mempunyai kuasa beli maka merekalah yang memperolehi barang tersebut. Bagi pengguna yang tidak mempunyai kuasa beli ke atas barang tersebut, mereka tidak akan memperolehinya. Dalam lain perkataan sesiapa yang mempunyai pendapatan dan sanggup memperuntukkan pendapatannya untuk membeli

sesuatu barang itu, maka merekalah yang akan memperolehi barang tersebut. Dengan persoalan untuk siapa barang itu dikeluarkan, akan sangat bergantung kepada taburan pendapatan yang dihasilkan oleh pemilikan faktor-faktor pengeluaran di sesebuah ekonomi tersebut. Misalnya jika seseorang itu mempunyai bilangan tanah, modal dan kemahiran yang tinggi, maka mereka akan memperolehi jumlah pendapatan yang tinggi, dengan ini mereka akan mempunyai keupayaan atau kemampuan untuk memperolehi sesuatu barang itu dengan jumlah yang lebih banyak.

EKONOMI (Bahagian Mikroekonomi)

7.1.1.4 : Kebaikan sistem pasaran bebas.

Terdapat beberapa kebaikan daripada sistem pasaran bebas ini. Di antaranya ialah;

- a. Pengguna dan pengeluar dapat bertindak secara bebas dalam pasaran. Ini bererti bahawa pengguna akan dapat memaksimumkan kepuasannya dan pengeluar pula akan dapat memaksimumkan keuntungannya.
- b. Pasaran dengan berdasarkan kepada mekanisme harga akan dapat menyelesaikan permasalahan ekonomi dengan cekap dan cepat.
- c. Proses mekanisme harga ini tidak akan memberi beban kepada pihak kerajaan.
- d. Penggunaan faktor-faktor pengeluaran akan dapat dijalankan dengan cekap.

7.1.1.5: Kelemahan atau keburukan sistem pasaran bebas.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan atau keburukan daripada sistem pasaran bebas ini. Di antaranya ialah;

- a. Sistem pasaran bebas ini akan menghasilkan taburan pendapatan yang tidak seimbang. Apa yang dimaksudkan di sini ialah di bawah sistem pasaran bebas ini, akan wujud sebahagian pengguna yang akan mempunyai pendapatan yang tinggi (kaya), dan terdapat juga sebahagian pengguna yang mempunyai pendapatan yang rendah (miskin). Keadaan ini wujud kerana di bawah sistem pasaran bebas, mereka mengambil sahaja apakah taburan yang sedia wujud dalam pemilikan faktor-faktor pengeluaran. Seperti yang kita dapat lihat dalam sesebuah ekonomi atau negara, akan terdapat dikumpulan rakyat atau pengguna yang mempunyai kekayaan yang lebih berbanding dengan kumpulan yang lain. Contohnya setengah-tengah rakyat memiliki tanah yang lebih luas berbanding dengan orang lain. Ada di antaranya yang memiliki jumlah modal yang lebih banyak berbanding dengan yang lain. Ada juga orang yang sanggup mengambil risiko dengan menjadi usahawan dan

sebaliknya ramai yang tidak sanggup mengambil risiko. Terdapat juga sebahagian rakyat atau orang yang mempunyai kemahiran yang tertentu seperti mempunyai bakat menyanyi, berlakun dan sebagainya. Dengan kelebihan-kelebihan ini, mereka akan mempunyai pendapatan yang jauh lebih tinggi berbanding dengan orang lain. Itulah sebabnya pada hari, kita akan melihat di setengah-tengah negara itu terdapat sebahagian kecil sahaja- mungkin sebanyak 5% sahaja- penduduknya yang menguasai 70% kekayaan di negara tersebut. Bakinya, iaitu 95% lagi rakyatnya mempunyai pendapatan yang rendah, malah ada di antaranya tidak mampu untuk membeli makanan.

- b. Sistem pasaran bebas ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah penawaran *barang awam*, walaupun barang tersebut adalah penting kepada orang ramai. Contohnya seperti menyediakan perkhidmatan keselamatan, penyediaan jalan raya di kawasan bandar dan luar bandar, penyediaan lampu jalan, sekolah dan banyak lagi. Kegagalan sistem pasaran bebas untuk menyediakan *barang awam* ini adalah disebabkan bahawa sistem pasaran bebas ini tidak dapat memastikan bahawa setiap pengguna yang menikmati faedah dari penggunaan barang tersebut akan membayar kepada pengeluar barang tersebut.
- c. Ekonomi akan terdedah kepada masalah inflasi dan kemelesetan yang serius.
- d. Wujudnya masalah kesan luaran atau ekstenaliti yang negatif di pasaran. Misalnya wujudnya masalah pencemaran udara, air dan bunyi, yang mana masalah luaran yang negatif ini adalah merbahaya kepada kesejahteraan rakyat.

7.2: SISTEM EKONOMI TERANCANG ATAU PERANCANGAN BERPUSAT.

7.2.1: Definisi

Bagi sistem ekonomi perancangan berpusat atau ekonomi terancang, segala masalah asas ekonomi akan diselesaikan oleh pihak kerajaan, agen-agen ekonomi – pengguna dan pengeluar – tidak mempunyai kuasa atau hak.

7.2.2: Ciri-ciri sistem ekonomi terancang.

Ciri-ciri penting dalam sistem ekonomi terancang ini ialah;

- a. semua faktor-faktor pengeluaran (buruh, modal, tanah dan keusahawanan) adalah dimiliki oleh kerajaan. Pengguna tidak mempunyai kuasa dan hak dalam pemilikan faktor-faktor pengeluaran.

- b. Pengguna tidak mempunyai kebebasan dalam membuat pilihan ke atas barang dan perkhidmatan demi untuk memaksimumkan kepuasan mereka.
- c. Firma dan industri di negara tersebut dimiliki oleh kerajaan.

7.2.3: Keadah penyelesaian masalah-masalah asas ekonomi.

Di bawah sistem ekonomi terancang ini, segala masalah-masalah asas ekonomi akan diselesaikan oleh kerajaan. Misalnya masalah apakah barang dan perkhidmatan yang akan dikeluarkan akan diputuskan oleh kerajaan. Kerajaan seolah-olah mengetahui tentang apakah barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat (pengguna). Kerajaan juga akan menentukan jumlah sesuatu barang dan perkhidmatan itu perlu dikeluarkan.

Masalah bagaimana sesuatu barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan juga akan ditentukan oleh kerajaan. Dan masalah untuk siapa barang itu dikeluarkan pada lazimnya adalah diarahkan kepada rakyat secara keseluruhan.

7.2.4: Kebaikan sistem ekonomi terancang.

Kebaikan dari sistem ekonomi terancang ialah;

- a. Terdapat taburan pendapatan yang lebih seimbang dalam negara tersebut.
- b. Keadaan ekonomi adalah lebih setabil berbanding dengan keadaan ekonomi di pasaran bebas.

7.2.5: Keburukan sistem ekonomi terancang.

Keburukan dari sistem ekonomi terancang ialah;

- a. Pengguna tidak mempunyai hak untuk memiliki faktor-faktor pengeluaran. Semua faktor-faktor pengeluaran adalah milik kerajaan.
- b. Pengguna, oleh sebab mereka bukan pemilik faktor-faktor pengeluaran, maka mereka akan kehilangan insentif untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi memperolehi pendapatan yang lebih. Ini kerana pendapatan pengguna telahpun ditentukan oleh kerajaan.
- c. Pengusaha juga akan hilang kreativiti yang akan dapat meminimumkan kos pengeluaran. Ini kerana teknik pengeluaran telahpun ditentukan oleh kerajaan.
- d. Ekonomi tidak akan dapat menggunakan faktor-faktor pengeluaran dengan cekap dan berkesan. Ini kerana teknik pengeluaran yang digunakan bukan berdasarkan untuk meminimumkan kos. Ini memberi implikasi bahawa kos pengeluaran sesuatu barang dalam sistem ini

- akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan di bawah sistem pasaran bebas.
- e. Ekonomi akan mengalami masalah pengangguran tidak ketara. Ini adalah kesan daripada buruh bekerja bukan untuk memaksimumkan pendapatan mereka, tetapi mereka bekerja setakat untuk bekerja sahaja, pendapatan telahpun ditentukan oleh kerajaan.

7.3: SISTEM EKONOMI CAMPURAN. **(Bahagian Mikroekonomi)**

7.3.1: Definisi

Sistem ekonomi campuran boleh didefinisikan sebagai satu sistem ekonomi yang menggabungkan kedua-dua sistem pasaran bebas dan sistem ekonomi terancang. Dalam lain perkataan, di bawah sistem ekonomi campuran, sebahagian barang dan perkhidmatan akan diselesaikan dengan menggunakan mekanisme harga dan sebahagian lagi diselesaikan oleh kerajaan.

7.3.2: Ciri-ciri sistem ekonomi campuran.

- Terdapat beberapa ciri sistem ekonomi campuran ini. Di antaranya ialah;
- a. Pengguna mempunyai hak milik ke atas faktor-faktor pengeluaran.
 - b. Pengguna membuat keputusan ekonomi atas tujuan untuk memaksimumkan kepuasan.
 - c. Pengusaha membuat keputusan ekonomi atas tujuan untuk memaksimumkan keuntungannya.
 - d. Terdapat campur tangan kerajaan dalam ekonomi, iaitu dalam bentuk
 - mengenakan cukai ke atas pengguna dan pengeluar.
 - memberi subsidi kepada pengguna dan pengeluar
 - terlibat dalam penawaran barang-barang dan perkhidmatan
 - Mengadakan kawalan ke atas sektor swasta melalui perundangan.

7.3.3: Kaedah penyelesaian masalah-masalah asas ekonomi.

Dalam sistem ekonomi campuran, terdapat dua kaedah dalam menyelesaikan masalah-masalah asas ekonomi. Pertama ialah dengan menggunakan mekanisme harga (seperti yang terdapat dalam sistem pasaran bebas) dan kedua dengan campur tangan secara langsung oleh pihak kerajaan dalam menawarkan barang dan perkhidmatan (seperti dalam sistem ekonomi terancang). Pembahagian di antara dua kaedah penyelesaian ini adalah bergantung kepada jenis barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Jika sekiranya barang yang dikeluarkan itu adalah barang persendirian atau barang ekonomi, yang mana untuk mendapatkan barang-barang ini pengguna adalah

sanggup membayarnya, maka barang dan perkhidmatan jenis ini akan dikeluarkan dengan menggunakan mekanisme harga. Kedua, jika barang dan perkhidmatan itu di kelaskan sebagai barang awam, yang mana pengguna yang tidak membayar pun boleh menikmati faedah yang dihasilkan oleh barang tersebut, maka barang dan perkhidmatan ini hendaklah dikeluarkan oleh kerajaan. Contohnya perkhidmatan pertahanan dan keselamatan, jalan raya dan sebagainya.

1. Penyelesaian masalah apakah barang dan perkhidmatan yang akan dikeluarkan dan berapa banyak.

Seperti yang telah disebut di atas, jika barang itu adalah dikelaskan sebagai barang persendirian atau barang ekonomi, ia akan menggunakan mekanisme harga. Ini bererti pengguna akan melahirkan keinginannya melalui keluk permintaan. Dalam lain perkataan, pengguna melalui kuasa membeli akan sanggup membayar bagi mendapatkan sesuatu barang itu. Maka wujudlah keluk permintaan D seperti di gambar rajah 1.11 di atas. Kedua, pengeluar pula akan melihat apakah barang yang diminta oleh pengguna dan seterusnya mereka akan melihat sama ada barang tersebut mampu untuk dikeluarkan serta akan memberi keuntungan kepadanya. Jika mereka ini mampu dan akan mendapat keuntungan daripada operasi tersebut, maka wujudlah keluk penawaran S, seperti di gambar rajah 1.11 di atas. Jika sekiranya kedua-dua keluk permintaan (D) dan keluk penawaran (S) wujud dalam pasaran, maka barang itu akan dikeluarkan oleh ekonomi tersebut.

Masalah berapakah jumlah barang ini dikeluarkan pula akan diselesaikan melalui *persilangan di antara kedua-dua keluk permintaan dan penawaran ini*. Seperti di gambar rajah 1.11, ekonomi ini akan mengeluarkan sebanyak OKo unit, dan harga yang terdapat di pasaran adalah sebanyak OPo seunit.

Bagi barang awam pula, oleh sebab faedah yang dihasilkan oleh penggunaan barang tersebut akan dinikmati oleh semua seorang – sama ada mereka membayarnya atau tidak, maka pengguna tidak akan mahu untuk membayar apabila menggunakan barang tersebut. Alasan yang diberi ialah pengguna yang lain yang tidak membayar juga akan dapat menggunakan dan seterusnya mendapat faedah dari barang tersebut. Contohnya dalam penyediaan jalan raya di luar bandar atau di bandar, semua orang di kampung atau di bandar akan menggunakannya dengan secara percuma. Ini kerana semua penduduk di kawasan tersebut *tidak mahu untuk membayar bagi menggunakan jalan raya tersebut*. Maka barang jenis ini pihak pengeluar swasta tidak akan sanggup menyediakannya, kerana mereka tidak akan dapat pulangan daripada pelaburan yang dibuatnya. Oleh sebab jalan raya ini adalah penting kepada orang ramai, maka kerajaan akan terpaksa masuk ke dalam ekonomi dan menyediakan jalan

raya tersebut. Begitu juga dengan barang-barang awam yang lain seperti perkhidmatan pertahanan, polis, sekolah, kesihatan dan beberapa barang dan perkhidmatan yang lain, akan disediakan oleh pihak kerajaan. Di Malaysia pada setiap tahun, kerajaan akan membentangkan belanjawaan negaranya dan antara pekara yang akan dijelaskan dalam belanjawan tersebut ialah berapakah panjang jalan raya akan dibina, berapa jumlah sekolah dan hospital serta pusat-pusat kesihatan baru akan dibina pada tahun hadapan dan juga dijelaskan jumlah perbelanjaan yang diperuntukan untuk menyediakan barang dan perkhidmatan awam ini.

2. Penyelesaian kepada masalah bagaimana barang dan perkhidmatan yang di keluarkan.

Bagi barang persendirian dan barang ekonomi, seperti di pasaran bebas, pengeluar akan menggunakan teknik pengeluaran yang akan menghasilkan barang tersebut dengan kos yang minimum. Ini kerana pengeluar mempunyai objektif untuk memaksimumkan untung.

Bagi barang awam, teknik pengeluaran akan ditentukan sendiri oleh pihak kerajaan. Ini bererti bahawa seolah-olah kerajaan mengetahui teknik pengeluaran yang cekap dan baik untuk di gunakan.

3. Penyelesaian kepada masalah untuk siapa barang dan perkhidmatan di keluarkan.

Bagi barang persendirian dan barang ekonomi, masalah ini akan diselesaikan dengan berdasarkan kepada keluk permintaan yang wujud dalam pasaran tersebut. Ini bererti bahawa untuk siapa barang itu dikeluarkan bergantung kepada kuasa beli pengguna. Tetapi bagi barang awam, kerajaan akan menentukan sendiri untuk siapa barang itu dikeluarkan. Sebagai contoh, di Malaysia kerajaan akan membina sekolah atau pusat kesihatan di satu-satu kawasan itu adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan tersebut bagi penduduk di satu-satu tertentu tersebut.

7.3.4: Kebaikan sistem ekonomi campuran.

Terdapat beberapa kebaikan dalam sistem ekonomi campuran ini. Di antaranya ialah;

- a. Pengguna mempunyai kebebasan dalam memiliki faktor-faktor pengeluaran.

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

- b. Pengguna mempunyai kebebasan dalam penggunaan barang dan perkhidmatan bagi memastikan bahawa mereka akan dapat memaksimumkan kepuasannya.
- c. Pengeluar pula boleh bertindak bebas dalam membuat keputusan untuk mengeluarkan sesuatu barang atau perkhidmatan, dan keputusan mereka adalah berdasarkan kepada objektif untuk memaksimumkan keuntungan.
- d. Sistem ekonomi ini dapat memastikan bahawa barang-barang awam akan sentiasa di tawarkan dalam ekonomi dan tanggungjawab ini akan dilaksanakan oleh kerajaan.
- e. Kerajaan akan memberi subsidi di sektor-sektor tertentu yang difikirkan mustahak untuk kebajikan rakyat negara tersebut.
- f. Kerajaan boleh memainkan peranan sebagai penstabil kepada keadaan ekonomi yang tidak stabil seperti keadaan inflasi dan kemelesetan, iaitu dengan menjalankan dasar-dasar fiskal dan kewangan.
- g. Kerajaan boleh menghasilkan keadaan taburan pendapatan yang lebih seimbangan di kalangan rakyatnya, iaitu melalui dasar cukai dan subsidi.

7.3.5: Kelemahan sistem ekonomi campuran.

Terdapat beberapa kelemahan daripada sistem ekonomi campuran ini. Di antaranya ialah;

- a. Sistem percukaian yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan akan mengganggu tingkat kebajikan rakyat di negara tersebut terutama bagi golongan kaya.
- b. Sistem percukaian ini juga akan mengganggu aliran perjalanan perdagangan yang wujud di sesebuah negara.

7.4: SISTEM EKONOMI ISLAM

7.4.1: Definisi.

Sistem ekonomi Islam adalah satu sistem ekonomi yang berdasarkan kepada syariah Islam yang mana segala tingkahlaku pengguna dan pengeluar dalam mencapai objektif masing-masing (seperti memaksimum kepuasan atau utiliti bagi pengguna dan memaksimumkan keuntungan bagi pengeluar) adalah tertaluk kepada tuntutan akhlak dan peraturan ajaran Islam. Dalam lain perkataan, dalam sistem ekonomi Islam ini, pengguna dan pengeluar akan cuba mencapai Al-falah, iaitu kejayaan di dunia dan juga di akhirat.

7.4.2: Ciri-ciri sistem ekonomi Islam.

- a. Pengguna adalah bertindak bebas demi untuk memaksimumkan kepuasan dan pengeluar pula bertindak bebas untuk memaksimumkan keuntungan mereka.
- b. Terdapat persaingan bebas antara pengguna dan antara pengeluar dalam ekonomi.
- c. Walau pengguna adalah bebas untuk memaksimumkan kepuasan dan pengeluar bebas untuk memaksimumkan keuntungannya, tetapi segala kegiatan mereka adalah tertakluk kepada tuntutan akhlak dan adab, sebagaimana yang dinyatakan dalam AL-Quran dan Sunnah-Nya.
- d. Terdapat peranan kerajaan dalam ekonomi, terutama dalam menyediakan barang awam.

Oleh
Hamzaid Bin Yahya

Apa yang nyata dalam sistem ekonomi Islam ini, pengguna dan pengeluar masing-masing boleh bertindak untuk mencapai objektif mereka, iaitu sama dengan dalam sistem ekonomi pasaran bebas. Tetapi yang membezakan dua sistem ekonomi bebas dengan ekonomi Islam ini ialah dalam ekonomi Islam, tidak semua barang dan perkhidmatan yang terdapat dalam pasaran ekonomi bebas ini pada masa yang sama wujud dalam sistem ekonomi Islam. Sebagai contoh dalam sistem ekonomi Islam tidak wujud barang dan perkhidmatan yang dilarang seperti daging babi, minuman berakohol, kadar bunga atau riba dan lain-lain barang dan perkhidmatan yang diharamkan dalam ajaran Islam.

7.4.3: Kaedah penyelesaian masalah-masalah asas ekonomi.

Bagi sistem ekonomi Islam, menghormati unsur-unsur akhlak dan adab merupakan faktor terpenting dalam semua kegiatan ekonomi perseorangan. Sistem ekonomi Islam menganggap kepentingan masyarakat sebagai faktor yang menentukan kecenderungannya secara umum. Dengan meletakkan kepentingan masyarakat secara menyeluruh, bererti kehendak perseorangan itu dibatasi oleh kepentingan masyarakatnya.

1. Penyelesaian masalah apa dan berapa barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan.

20

Dalam menyelesaikan masalah apa dan berapa barang dan perkhidmatan yang akan dikeluarkan, sistem ekonomi Islam akan menggunakan mekanisme harga, iaitu sama seperti dalam sistem ekonomi pasaran bebas. *Tetapi tidak seperti dalam sistem ekonomi pasaran bebas, dalam sistem ekonomi Islam ini barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan adalah bergantung kepada peraturan-peraturan Islam itu sendiri.* Ini bererti barang-barang yang dilarang oleh agama Islam seperti arak, dadah, babi, perjudian, riba dan sebagainya tidak

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

boleh dikeluarkan. Dalam lain perkataan terdapat sedikit perbezaan dalam kumpulan barang-barang dan perkhidmatan yang terdapat dalam sistem ekonomi Islam dengan dalam sistem ekonomi pasaran bebas.

Begitu juga dengan persoalan berapa banyak sesuatu barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan, mestilah tidak mengganggu pengeluaran barang-barang yang lain. Misalnya dalam pengeluaran sesuatu barang tertentu, walaupun permintaan adalah tinggi, pengeluar tidak boleh mengeluarkan barang tersebut sehingga ia menggunakan semua faktor pengeluaran yang akan menyebabkan barang lain tidak dapat dikeluarkan. Sebagai contoh dengan wujudnya permintaan kayu balak tinggi di pasaran, pengeluar kayu balak tidak boleh sewenang-wenangnya masuk ke hutan dan menebang semua kayu-kayu yang terdapat di hutan tersebut sehinggakan hutan-hutan yang ada di negara tersebut pupus. Ini kerana ajaran Islam menghalang kegiatan yang memaksimumkan untung semata-mata dan akan menghasilkan kesan sampingan yang negatif kepada masyarakat dan akhirnya tingkat kebijakan orang ramai menurun. Dalam lain perkataan, dalam sistem ekonomi Islam ini terdapat unsur-unsur kebijakan rakyat dan orang ramai yang perlu diambil kira.

2. Penyelesaian masalah bagaimana cara barang dan perkhidmatan dikeluarkan.

Dalam sistem ekonomi Islam, masalah kedua ini masih juga berdasarkan kepada penggunaan teknik pengeluaran yang meminimumkan kos pengeluaran, iaitu sama seperti dalam sistem ekonomi pasaran bebas. Tetapi dalam sistem ekonomi Islam, sistem atau teknik pengeluaran yang digunakan ini mestilah tidak memberi kesan sampingan yang negatif kepada masyarakat, seperti menyebabkan pencemaran udara, air dan bunyi.

3. Penyelesaian masalah untuk siapa barang dan perkhidmatan dikeluarkan.

Dalam sistem ekonomi pasaran bebas, masalah untuk siapa barang itu dikeluarkan adalah diselesaikan oleh siapa yang mampu untuk membayar harga barang tersebut. Ini bererti bagi orang yang mampu sahaja yang akan memperolehi barang tersebut. Tetapi dalam ekonomi ini juga terdapat barang-barang yang penting kepada kehidupan orang ramai, seperti barang awam. Sistem pasaran bebas tidak akan mengeluarkan barang-barang awam ini. Tetapi dalam sistem ekonomi Islam, oleh sebab barang ini adalah penting bagi menjamin kebijakan orang ramai atau ummah, maka barang ini mestilah dikeluarkan. Tanggong jawab untuk mengeluarkan barang ini adalah dibahu kerajaan. Dalam hal ini peranan kerajaan adalah penting. Dalam lain perkataan dalam sistem ekonomi Islam, kebijakan semua ummah (rakyat) adalah diambil kira dan dijaga.

7.5: KEADAAN REALITI.

Dalam abad ke 21 ini, sistem ekonomi yang diamalkan oleh semua kerajaan di dunia ini adalah lebih menumpu kepada *sistem ekonomi campuran*. Jika pada lazimnya contoh negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas adalah negara-negara seperti Amerika Syarikat, England dan beberapa negara Eropah, dan contoh negara-negara yang mengamalkan sistem ekonomi terancang adalah seperti Rusia dan China. Tetapi dalam abad ke 21 ini semua negara-negara ini telahpun tidak mengamalkan sistem ekonomi yang disebutkan tadi. Sebagai contoh kerajaan Amerika Syarikat, England, Jerman dan sebagainya telahpun campur tangan dalam menentukan kegiatan ekonomi masing-masing. Campur tangan ini adalah dalam bentuk mengenakan cukai ke atas penduduknya dan juga syarikat-syarikat yang beroperasi di negara-negara tersebut. Dalam kemelesetan ekonomi tahun 2009, semua kerajaan di negara-negara ini telahpun mengambil alih beberapa industri utama negara tersebut, seperti kerajaan Amerika Syarikat telahpun mengambil alih beberapa syarikat pengeluar kereta seperti General Motor, dan beberapa bank terbesar di negara tersebut.

Begitu juga di Rusia dan China, yang dulunya mengamalkan sistem ekonomi yang lebih cenderung kepada sistem ekonomi terancang, pada hari ini mereka telah pun menggalakkan syarikat-syarikat asing membuat pelaburan di negara-negara tersebut. Dalam lain perkataan dalam abad ke 21 ini semua negara-negara komunis telahpun mengubahkan dasar ekonominya daripada menggunakan sistem ekonomi terancang kepada sistem ekonomi campuran.


Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi campuran. Di Malaysia ini kegiatan ekonomi dijalankan oleh dua kumpulan yang besar, pertama ialah kumpulan usahawan yang menjalankan kegiatan-kegiatan pengeluaran barang dan perkhidmatan yang diminta oleh rakyat Malaysia sendiri di samping untuk pasaran eksport. Pada masa yang sama kerajaan juga telah menjalankan kegiatan ekonomi dalam menyediakan barang-barang awam seperti jalan raya, sekolah, kesihatan dan sebagainya. Disamping itu juga melalui syarikat-syarikat milik kerajaan seperti Khazanah Berhad, juga terlibat secara aktif dalam kegiatan ekonomi. Kerajaan juga mengenakan cukai dan memberi subsidi bagi memastikan bahawa kegiatan dan kebajikan rakyat terjamin.

Pada masa yang sama juga kerajaan menjalankan kegiatan ekonomi yang berlandaskan kepada sistem ekonomi Islam, iaitu dengan mengadakan sistem perbankan Islam. Pada tahun 2010 di Malaysia terdapat 3 bank Islam yang utama iaitu Bank Islam, Bank Muamalat dan Bank Al-Rajhi. Di samping itu bank-bank konvensional (bank-bank yang beroperasi dengan berdasarkan riba atau kadar bunga) telahpun menawarkan perbankan Islam. Walau bagaimanapun sistem perbankan Islam di Malaysia adalah sangat kecil berbanding dengan sistem

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

perbankan konvensional. Dengan ini kita boleh mengklaskan bahawa sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia adalah lebih berbentuk sistem ekonomi campuran.

Maka perbezaan yang wujud di antara negara-negara di dunia ini dalam menjalankan sistem ekonomi ini boleh disimpulkan seperti di rajah 1.12.



Rajah 1.12: Darjah campur tangan kerajaan dalam sistem ekonomi

Rajah 1.12 menunjukkan perbezaan peratus campur tangan kerajaan dalam sistem ekonomi yang diamalkan oleh beberapa contoh negara di atas. Misalnya Amerika Syarikat mengamalkan sistem ekonomi campuran tetapi peranan kerajaan adalah jauh lebih kecil berbanding dengan campur tangan kerajaan di negara-negara seperti Rusia dan China. Malaysia menduduki di bahagian tengah di antara sistem ekonomi campuran yang diamalkan oleh Amerika Syarikat dan Rusia/China.